

|             |   |            |         |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline    | PBMM tagih TNB taja Piala Emas Raja-Raja 2016 |            |         |
| MediaTitle  | Berita Harian                                 | Language   | Malay   |
| Date        | 11 Oct 2016                                   | Readership | 947,000 |
| Circulation | 125,514                                       | Page No    | 51      |
| Section     | Sukan   | Journalist | N/A     |
| ArticleSize | 148 cm <sup>2</sup>                           |            |         |
| PR Value    | RM 8,028                                      |            |         |



# PBMM tagih TNB taja Piala Emas Raja-Raja 2016

**Kuala Lumpur:** Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia (PBMM), Mohd Firdaus Mohamed menggesa Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyegerakan komitmen mereka untuk menaja pertandingan bola sepak antara yang tertua di negara ini, Piala Emas Raja-Raja.

Katanya, surat sokongan dari Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam memohon penajaan TNB bagi kejohanan bermula bulan depan

sudah dihantar pada bulan lalu kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu, tetapi masih belum ada tindakan susulan sehingga kini.

## TNB turut bertanding

"Tindakan susulan TNB amat ditagih PBMM memandangkan tarikh pertandingan Piala Emas Raja-Raja semakin dekat dan perlawaan pembuka tirainya bagi merebut Piala Agong antara Perak dan Negeri Sembilan akan berlangsung di Stadium Tuanku Abdul Rah-

man, Paroi, Sabtu ini.

"Sebarang kelewatan berhubung penajaan itu, dikhuatiri mampu menjelaskan kelancaran penganjuran sebuah kejohanan bola sepak antara yang paling lama dan berprestij itu," katanya dalam kenyataan media, semalam.

TNB turut diundang menyertai Piala Emas Raja-Raja apabila diletakkan dalam Kumpulan B bersama Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

|             |   |            |         |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline    | PBMM tagih TNB taja Piala Emas Raja-Raja 2016 |            |         |
| MediaTitle  | Berita Harian                                 |            |         |
| Date        | 11 Oct 2016                                   | Language   | Malay   |
| Circulation | 125,514                                       | Readership | 947,000 |
| Section     | Sukan   | Page No    | 51      |
| ArticleSize | 148 cm <sup>2</sup>                           | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 8,028                                      |            |         |

